

29/06/1998

Anwar rai Setiausaha Perbendaharaan Amerika

KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, meraikan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert Rubin, dalam satu majlis makan malam, di sini, malam ini.

Rubin, yang tiba petang ini untuk siri lawatan dua hari ke sini, sempat mengadakan perbincangan ringkas dengan Anwar dan ia dipercayai membabit pelbagai isu terutama krisis ekonomi, mata wang serta dagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Menurut seorang pegawai Kedutaan Amerika Syarikat, Rubin juga memberi penerangan kepada Anwar yang juga Menteri Kewangan mengenai lawatan Presiden Bill Clinton ke Beijing dan hasil Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan (G-22), April lalu yang dipengerusikan oleh beliau.

Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don.

Mereka kemudian menghadiri jamuan makan malam, yang turut disertai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin, Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John R Mallot dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Dr Aris Othman.

Majlis itu turut disertai beberapa tokoh korporat terkemuka termasuk Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Dr Munir Majid, Pengerusi Eksekutif RHB, Tan Sri Rashid Hussein dan Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Rubin adalah dalam pusingan kedua lawatan ke negara-negara Asia, tiba dengan penerbangan khas di Pangkalan TUDM Sungai Besi, petang ini.

Esok, Rubin bersama Anwar dijadual menghadiri satu dialog tertutup mengenai krisis ekonomi Asia anjuran ISIS.

Beliau dijadual menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum berlepas pulang, petang esok.

(END)